

Headline	Pokok didokumentasi kaedah digital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	231 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,036
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,108



# Pokok didokumentasi kaedah digital

FRIM, Cube Global jalin kerjasama mengurus, memulihara hutan secara lestari

**Nur Hamizah Muhamad**

**K**EPONG: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Cube Global Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) memulakan Projek Digital FRIM mendokumentasikan semua pokok secara digital bagi sumber pengurusan dan pemuliharaan hutan.

Projek berkenaan mendokumentasikan spesies pokok, saiz, ciri pembungaan dan penguasaan dalam format digital yang mudah diakses dan digunakan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata FRIM sebelum ini memperuntukkan 5.6 hektar bagi kerja pengukuran dan penandaan semula sempadan plot serta sub plot petak kajian.

“Setiap sumber hutan perlu didokumenkan bagi memudahkan kita mengenal pasti jenis pokok mengikut kesesuaian dan kehendak negara sebelum ditebang, selain menjalankan proses penuaian dan penggantian secara optimum.

“Kejayaan perhutanan semula FRIM yang dulunya sebuah bekas lombong dan tanaman sayur mula dicemburui oleh negara luar kerana sejak 1926, Malaysia sudah memulakan proses perhutanan semu-

la sebelum diikuti negara lain,” katanya pada sidang media di Auditorium FRIM, semalam.


Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Cube Global, Azman Ali M Habib Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec), Datuk Badlisham Ghazali dan Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM, Dr Shamsudin Ibrahim.

Abdul Latif berkata, dokumentasi digital berkenaan bukan saja sebagai rekod geospasial untuk rujukan generasi masa akan datang, malah, membantu untuk mewujudkan ‘Virtual FRIM’ yang boleh dihubungkan secara global dan berinteraksi dengan masa nyata.


“Melalui projek ini, diharapkan kita mampu menjadi contoh kepada negara hutan tropika yang lain kerana FRIM adalah hutan tropika buatan manusia yang tertua dan terbesar di dunia. Kita bukan saja menyimpan khazanah negara malah mengamalkan sistem pengawalan semula hasil hutan secara lestari,” katanya.

FRIM Kepong yang meliputi keluasan 512 hektar menjadi tapak projek perintis bagi projek berkenaan dan jika sistem dokumentasi

itu berjaya dibangunkan dan diperhalusi, ia bakal digunakan di tapak-tapak FRIM lain.



**Azman Ali M Habib Rahman**



**Abd Latif Mohmod**